

UPM latih staf KAGAT dan MAIWP memperkasa kompetensi teknologi maklumat



SERDANG, 24 September – Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah bekerjasama dengan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperkasakan kompetensi staf berkenaan ilmu teknologi komputer baru-baru ini.

Dekan FSKTM, Dato' Profesor Dr. Shamala K. Subramaniam berkata, melalui bengkel kemahiran teknologi maklumat ini peserta dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan agensi mereka kepada masyarakat.

“Peserta didedahkan dengan kemahiran pembangunan laman web, aplikasi bergerak dan konfigurasi, asas videografi serta peningkatan kemahiran dakwah siber.

"Program usahasama ini antara inisiatif FSKTM untuk menyumbang tenaga pakar dalam meningkatkan kemahiran teknologi komputer kepada masyarakat," katanya semasa Majlis Perasmian Bengkel Asas Perkomputeran.



Sementara itu, Majlis Perasmian Bengkel Asas Perkomputeran ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah KAGAT, Mejar Jeneral Dato' Mohd Rashidi Bujai, pada 17 September hingga 21 September lalu.

Seramai 40 orang peserta telah mendapat bimbingan dan akses kepada pelbagai sumber pembelajaran digital yang dapat membantu mereka berkembang dalam bidang perkomputeran.



Turut hadir ialah wakil Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan MAIWP, Leftenan Kolonel (K) Safwan Saidin dan Komander Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera (ILMI), Kolonel Ismail Wahab.